

Waspada keterbukaan digital tanpa gadai kepentingan nasional

- Kedaulatan digital merujuk kepada kemampuan sesebuah negara mengawal data domestik, tentukan dasar penggunaan teknologi, melindungi infrastruktur kritikal daripada ancaman siber serta elak kebergantungan mutlak kepada kuasa luar
- Malaysia perlu mempercepat pembangunan bakat digital, memperkukuh rangka kerja tadbir urus data, melabur dalam teknologi tempatan serta memastikan akses digital saksama kepada semua lapisan masyarakat

Oleh Prof Madya Dr Nazariah Osman
bhrencana@bh.com.my



Dekan Pusat Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia

Transformasi digital global mengubah asas hubungan antarabangsa daripada persaingan fizikal kepada persaingan berasaskan data, teknologi dan rangkaian digital.

Dalam konteks ini, penguasaan teknologi seperti kecerdasan buatan (AI), infrastruktur digital dan keselamatan siber menjadi penentu utama kuasa negara.

Persaingan antara Amerika Syarikat (AS) dan China kini mencerminkan peralihan kepada apa yang boleh ditakrifkan sebagai geopolitik teknologi yang mana dominasi bidang seperti 5G, AI dan perkomputeran awan menjadi instrumen utama pengaruh global.

Negara lain, termasuk Malaysia berada dalam kedudukan strategik membolehkan mereka memanfaatkan persaingan ini, pada masa sama terdedah kepada tekanan geopolitik kompleks.

Kedaulatan digital merujuk kepada kemampuan sesebuah negara mengawal data domestik, menentukan dasar penggunaan teknologi, melindungi infrastruktur kritikal daripada ancaman siber serta mengelakkan kebergantungan mutlak kepada kuasa luar.

Dalam perspektif teori hubungan antarabangsa, realisme melihat penguasaan teknologi sebagai lanjutan kepada usaha negara memaksimumkan kuasa dan keselamatan, manakala liberalisme menekankan kebergantungan kompleks boleh melemahkan autonomi jika tidak diurus dengan teliti.

Konsep 'kedaulatan digital' muncul sebagai sintesis kedua-dua pendekatan ini, yang mana negara perlu terbuka kepada interaksi global, pada masa sama, mengekalkan kawalan terhadap aset digital strategik.

Dalam hal ini, pendirian Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, ketika berucap merasmikan Pusat Inovasi dan Makmal AI Huawei, kelmarin amat jelas apabila beliau menegaskan Malaysia terbuka kepada pelaburan asing, namun tidak akan menyerahkan kawalan terhadap keputusan strategik seperti tadbir urus data dan penggunaan AI dalam sektor awam.

Pendekatan ini mencerminkan prinsip 'keterbukaan kedaulatan', iaitu keterbukaan ekonomi dikawal kepentingan nasional. Pada era moden, pembangunan digital bukan lagi sekadar agenda ekonomi, tetapi menjadi instrumen kuasa negara.

Konsep kedaulatan teknologi menekankan keperluan negara membina kapasiti teknologi domestik bagi mengurangkan kebergantungan kepada pihak luar tanpa menutup ruang kerjasama antarabangsa.

Malaysia mengambil langkah penting dalam hal ini dengan menjadikan pembangunan AI dan teknologi digital sebagai teras strategi pembangunan negara, termasuk melalui penubuhan Pejabat AI Kebangsaan serta kerjasama dengan syarikat global.

Namun, seperti ditegaskan Menteri Komunikasi, Datuk Fahmi Fadzil, Malaysia tidak boleh sekadar menjadi pengguna teknologi, sebaliknya perlu membina kemampuan sendiri supaya mampu bersaing dalam ekonomi digital global.

Pendekatan ini selari dengan strategi negara maju seperti AS yang menguasai ekosistem AI melalui sya-

rikat teknologi gergasi, China melaksanakan dasar 'Buatan China' pada 2025 bagi mencapai dominasi teknologi, serta Singapura memacu inisiatif Negara Pintar dengan ekosistem digital bersepadu.

Perlindungan ruang digital penting

Kemajuan digital pesat tanpa perlindungan keselamatan siber yang kukuh berpotensi menimbulkan risiko besar kepada kedaulatan negara.

Ancaman seperti serangan ke atas infrastruktur kritikal, kebocoran data strategik, espionaj digital serta manipulasi maklumat boleh menggugat kestabilan politik dan ekonomi sesebuah negara. Dalam konteks ini, keselamatan siber perlu dilihat sebagai lanjutan kepada konsep pertahanan negara.

Pengalaman negara lain seperti Estonia, yang membangunkan sistem pertahanan siber canggih selepas serangan siber besar pada 2007, serta Israel menjadi peneraju global dalam teknologi keselamatan siber, menunjukkan perlindungan ruang digital menjadi komponen penting dalam strategi keselamatan nasional.

Malaysia juga mengambil langkah proaktif melalui kerjasama antarabangsa dan inisiatif seperti Kerjasama Multilateral Antarabangsa Menentang Ancaman Siber (IMPACT), di samping memperkukuh ekosistem keselamatan siber domestik bagi memastikan transformasi digital berlaku secara selamat dan diyakini.

Dalam menghadapi persaingan antara AS dan China, Malaysia mengamalkan pendekatan keseimbangan strategik membolehkan kekal terbuka kepada pelaburan dan kerjasama daripada kedua-dua blok tanpa mengorbankan kedaulatan.

Pendekatan ini membabitkan usaha menjalin kerjasama teknologi dengan pelbagai pihak sambil mengekalkan kawalan penuh terhadap dasar dan peraturan domestik.

Strategi ini membolehkan Malaysia memperoleh

manfaat daripada kemajuan teknologi global, mengelakkan kebergantungan kepada satu kuasa dominan serta mengekalkan autonomi dalam membuat keputusan strategik.

Walaupun Malaysia menunjukkan kemajuan signifikan dalam pembangunan digital, beberapa cabaran utama masih perlu ditangani. Antaranya termasuk kebergantungan kepada infrastruktur teknologi asing, kekurangan bakat tempatan dalam bidang AI dan keselamatan siber, serta ancaman maklumat salah dalam ruang digital.

Selain itu, jurang digital antara wilayah juga boleh menjejaskan keterangkuman pembangunan jika tidak ditangani secara menyeluruh.

Sehubungan itu, Malaysia perlu mempercepat pembangunan bakat digital, memperkukuh rangka kerja tadbir urus data, melabur dalam teknologi tempatan serta memastikan akses digital saksama kepada semua lapisan masyarakat.

Di samping itu, pendekatan diplomasi teknologi juga perlu diperkasakan bagi membolehkan Malaysia memainkan peranan lebih aktif membentuk norma global berkaitan teknologi dan keselamatan siber.

Kesimpulannya, pada era persaingan geopolitik dipacu teknologi, kedaulatan negara tidak lagi ditentukan kekuatan ketenteraan atau ekonomi semata-mata, tetapi kemampuan mengawal ruang digital dan siber. Pembangunan digital dan keselamatan siber kini asas kelangsungan kedaulatan negara pada abad ke-21.

Seperti ditegaskan Perdana Menteri, Malaysia tidak akan menyerahkan kawalan terhadap keputusan strategik kepada mana-mana pihak luar, walaupun kekal terbuka kepada pelaburan.

Pendekatan ini mencerminkan keseimbangan antara globalisasi dan kedaulatan di atas kefahaman sesebuah negara yang gagal menguasai teknologi dan melindungi ruang sibernya akan berisiko kehilangan bukan sahaja kelebihan ekonomi, tetapi autonomi menentukan masa depan sendiri.

